

SOALAN NO: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 6 APRIL 2015

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah syarikat yang tidak melaksanakan gaji minimum setakat 31 Disember 2014.

PR-1331-L66895

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, jumlah aktiviti penguatkuasaan gaji minimum adalah seperti berikut:

- (i) setakat 31 Januari 2015, jumlah pemeriksaan berkanun yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) adalah sebanyak 42,297 dan daripada jumlah tersebut didapati 587

- (1%) majikan tidak melaksanakan gaji minimum dan tindakan notis pematuhan telah dikeluarkan.
- (ii) manakala jumlah tuntutan kes buruh sehingga 31 Januari 2015 berkaitan gaji minimum yang telah difailkan adalah sebanyak 1,201 kes dan daripada jumlah tersebut sebanyak 276 (23%) telah selesai dibicarakan di Mahkamah Buruh dan 925 (77%) masih dalam tindakan pegawai.
 - (iii) jumlah aduan berhubung kegagalan majikan membayar gaji minimum setakat 31 Januari 2015 pula adalah sebanyak 1,796 dan daripada jumlah ini sebanyak 1,071 (90%) telah selesai disiasat dan baki 176 (10%) masih dalam tindakan Jabatan Tenaga Kerja.
 - (iv) berkenaan dengan tindakan pendakwaan kerana kegagalan membayar gaji minimum sehingga 31 Januari 2015, sebanyak 177 kertas pendakwaan telah dibuka dan daripada jumlah ini 109 (62%) telah diberikan izin untuk pendakwaan oleh Timbalan Pendakwa Raya (PUU) dan sebanyak 49 kes pendakwaan yang telah disabitkan dengan jumlah denda yang telah dikenakan adalah sebanyak RM144,800.00.
 - (v) jumlah kes pertikaian perusahaan yang melibatkan gaji minimum sehingga 31 Januari 2015 adalah sebanyak 49 kes dan telah melibatkan 6,793 pekerja. Daripada jumlah ini,

sebanyak 17 (35%) kes telah diselesaikan melalui rundingan damai di Jabatan Perhubungan Perusahaan, 27 (55%) kes telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan untuk dibicarakan dan 5 (10%) kes masih dalam tindakan Jabatan Perhubungan Perusahaan.